


Reka bentuk  
dikekalkan

# Sejarah Jambatan Merdeka

» Dimusnahkan British tetapi dibina semula dengan kayu oleh tentera Jepun, berganti konkrit selepas negara merdeka



Jambatan Merdeka menggunakan **reka bentuk asal** iaitu tiga lengkung bagi kedua-dua jambatan yang dibina.



Kampung yang **terletak berhampiran** dengan Jambatan Merdeka dinamakan sempena jambatan berkenaan.

Oleh Nor Farhani Che Ad  
bminggu@bh.com.my

**B**agi penduduk Pulau Pinang dan Kedah, Jambatan Merdeka adalah laluan biasa yang sering digunakan untuk menghubungkan antara dua daerah iaitu Kepala Batas dan Sungai Petani.

Bukan saja menjadi penghubung antara dua kawasan berkenaan, jambatan yang dinamakan sempena kemerdekaan negara itu juga menyimpan sejarah tersendiri bukan saja bagi masyarakat setempat tetapi juga negara.

Jambatan ini dilancarkan pada tahun yang sama negara menyambut Hari Kemerdekaan pertama dan dirasmikan oleh Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj.

#### Penaklukan Jepun

Ia dikatakan berkait rapat dengan sejarah penaklukan negara oleh Jepun pada tahun 1941 sewaktu Perang Dunia Kedua.

Menurut penduduk asal Kampung Jambatan Merdeka, Azizah Abdul Rahman, 70, tentera British terpaksa merobohkan jambatan asal bagi menyekat kemaraan tentera Jepun yang pada ketika



Azizah Abdul Rahman



Mat Zin Ibrahim

itu menyerang Tanah Melayu melalui kawasan sebelah utara.

"Jambatan asal yang dibina oleh British dimusnahkan oleh askar British sendiri untuk menghalang kemasukan Jepun ke Pulau Pinang.

"Sewaktu itu, penduduk kampung yang tinggal di muara sungai, diarah berpindah tujuh kilometer dari kawasan jambatan bagi menjaga keselamatan penduduk sebelum ia diletupkan," katanya.

#### Jepun tak putus asa

Kesan daripada runtuhnya jambatan asal masih terdapat di dasar Sungai Muda dan boleh dilihat sehingga hari ini.

Azizah berkata, tentera Jepun tidak pernah berputus asa apabila membina jambatan kayu untuk memasuki Pulau Pinang selepas jamba-

tan asal dimusnahkan.

Penduduk, Mat Zin Ibrahim, 75, yang menetap di kampung yang dahulunya bernama Kampung Dusun Lada pada sekitar awal tahun 50-an selepas berkahwin dengan penduduk kampung terbabit masih mengingati nostalgia jambatan kayu yang terletak 500 meter dari tapak asal.

"Selain menjadi laluan utama penduduk, barangan yang hendak dibawa melalui jambatan itu diangkut menggunakan beca oleh kerana struktur jambatan yang tidak mampu menampung muatan berat.

"Keadaan ini membuatkan kawasan sekitar jambatan ketika itu menjadi sibuk dengan kenderaan yang menunggu kerana saiz jambatan yang kecil dan kenderaan tidak dapat berselisih antara satu sama lain," katanya.



Kubu lama milik British yang terletak 20 meter dari Jambatan Merdeka **dipenuhi semak-samun.**

# Kubu bersejarah terbiar

**D**i sebalik kisah jambatan berkenaan, wujud sebuah kubu lama yang masih terdapat di tepi sungai yang terletak di kawasan sebelah Kepala Batas.

Mohamad Rodzi Abdul Rahman, 58, berkata kubu tentera British yang terletak 20 meter dari Jambatan Merdeka digunakan sebagai pertahanan menentang Jepun.

Kubu berbentuk enam segi yang kini ditumbuhi semak samun dan terbiar itu kini hanya tinggal sejarah tanpa dihiraukan oleh pihak berkuasa.

“Selepas ditinggalkan begitu saja oleh askar British, kubu itu digunakan oleh penduduk kampung untuk menjemur ikan kering, asam keping dan padi selain turut digunakan untuk meletakkan kelengkapan rumah ketika banjir melanda kampung.

“Tiada usaha yang dilakukan oleh mana-mana pihak untuk memelihara dan membangunkan kembali kawasan kubu lama ini sebagai tempat bersejarah negara,” katanya.

## Ada tinggalan sejarah

Rodzi berkata, walaupun tiada pertempuran yang berlaku antara tentera British dengan Jepun ketika kejadian runtuhnya jambatan asal, kawasan kubu masih lagi tersembunyi barang tinggalan sejarah termasuk



Mohamad Rodzi Abdul Rahman

peluru yang dijumpai oleh penduduk kampung.

“Sewaktu tentera British berundur di kawasan ini, peluru dan senjata turut ditinggalkan, tetapi kebanyakannya dibuang ke dalam sungai,” katanya.

Beliau berkata, kubu itu kini ditumbuhi tumbuhan liar dan tidak lagi dihiraukan apabila Jaba-

tan Pengairan dan Saliran (JPS) meninggikan kawasan tebing sungai dan membuat jalan baharu bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan kampung.

“Pihak berwajib perlu berusaha memulihara kembali tapak ini memandangkan banyak tinggalan sejarah yang terdapat di kawasan ini.

## Wajar dikenang

“Ini adalah antara tinggalan sejarah buat negara untuk terus dikenang dan dihargai oleh rakyat terutama generasi akan datang,” katanya.

Rodzi berkata, kerja pembersihan perlulah dilakukan bagi memelihara kembali kubu lama berkenaan supaya dapat menjadi warisan sekali gus dibangunkan sebagai satu tempat pelancongan negara.

## Reka bentuk dikekalkan

○ Dari muka 24

Selepas negara bebas daripada cengkaman Jepun, kerajaan mula membina jambatan baharu di tempat asal jambatan yang lama dengan reka bentuk sama.

Bagi menampung jumlah kenderaan yang semakin bertambah, pada tahun 2008, kerajaan membina sebuah lagi jambatan bersebelahan dengan jambatan itu dengan masih mengekalkan reka bentuk yang serupa.

### Jadi kebanggaan penduduk

Jambatan yang mempunyai tiga lengkung itu kini menjadi kebanggaan penduduk setempat yang menggunakannya bagi menjalankan urusan seharian.

Pelajar, Muhammad Syazwan Mohd Tahir, 22, berkata dia sering menggunakan Jambatan Merdeka kerana rumahnya di Kepala Batas dan kini sedang belajar di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Merbok.

“Jambatan ini menjadi laluan utama saya setiap kali berulang-alik antara universiti dan rumah kerana ia lebih mudah serta cepat berbanding laluan lain. Jambatan ini turut menjadi kebanggaan kepada saya setiap kali melaluinya kerana ia menyimpan sejarahnya yang tersendiri,” katanya.

**HealthyResp**  
Promo Pack 14

**timo**

Jangan biarkan pencemaran jerebu menyebabkan anda kesesakan nafas. Pakej ini boleh membantu dalam kesihatan paru paru anda dan keluarga.

Pakej ini mengandungi  
3 botol x 30's timo® Cordyceps BrefWell  
1 botol x 300ml± timo® Cordyceps Syrup Plus  
1 One Touch Canister Junior 1.25L  
(Tupperware Brand)



Untuk melegakan batuk, resdung, hidung tersumbat, berpeluh berlebihan

KKLIU No.: 1490/2014



Talian  
**1300 88 8466**

Boleh didapati di semua kedai farmasi dan kedai ubat tradisional



Produk berkualiti dari



BIOFACT LIFE SDN. BHD. 679858-V